

SINAR HARIAN
26 MAC 2018
Page 33

Bangga pencapaian pelajar

Program Latihan Akademik Empower ECER-UMK tunjuk keberkesanan

SITI FATIMAH AWANG

KOTA BHARU - Prestasi pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2017 berjaya ditingkatkan menerusi Program Latihan Akademik Empower ECER yang dilaksanakan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Pengarah Unit Empower ECER-UMK, Dr Arbaiah Abdul Razak berkata, UMK adalah badan yang bertindak sebagai penyedia perkhidmatan program di bawah Empower ECER bagi kawasan Keteher, Bachok, Jeli dan Gua Musang.

Menurutnya, kejayaan itu dibuktikan dengan pencapaian cemerlang 360 pelajar SPM 2017 di empat daerah di negeri ini yang mendapat keputusan 100 peratus lulus, dan daripada jumlah itu seramai 40 pelajar memperoleh keputusan 5A ke atas yang sebahagian besarnya adalah pelajar dari Parlimen Jeli.

"Kejayaan yang diperoleh kesemua pelajar di bawah Empower ECER-UMK itu



Pelajar cemerlang menerima sijil dan hadiah sagu hati pada Majlis Kecemerlangan SPM 2017 di SMK Long Yunus, Bachok.



Antara pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam SPM 2017 dan diraikan pada majlis tersebut.

diberikan oleh pelbagai pihak terutamanya menerusi program Empower ECER.

Katanya, sebelum menyertai Program Latihan Akademik Empower ECER, keputusan peperiksannya kurang baik dan lemah dengan hanya mendapat 1B, 1C, 1D dan 6G.

"Selepas menyertai program tersebut saya terkejut dan gembira dengan keputusan SPM baru-baru ini kerana berjaya memperoleh 5A serta lulus semua mata pelajaran.